

DATE: 27 MAY 2011
PUBLICATION: KOSMO
SECTION: NIAGA
PAGE: 51
HEADLINE: KUMPULAN AMBANK MENANG ANUGERAH CFO
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 48.46 SQ.CMS

Kumpulan AmBank menang Anugerah CFO

KUALA LUMPUR – Kumpulan AmBank memenangi anugerah Ketua Pegawai Kewangan Terbaik bagi Perhubungan Pelabur Bermodal Besar pada majlis penyampaian anugerah Perhubungan Pelabur Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (MIRA) di Kuala Lumpur semalam.

Anugerah itu telah dimenangi oleh Timbalan Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan AmBank, R. Ashok.

Penganjur, MIRA dalam satu kenyataan berkata, majlis itu diadakan sempena pelaksanaan kajian perhubungan pelabur yang pertama di Malaysia dengan menggunakan perkhidmatan firma Thomson Reuters Extel Surveys untuk menjayakan kajian berkenaan.

Seramai lebih 700 profesional bahagian belian dan jualan dari seluruh dunia menyertai kajian yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini.

– Bernama